

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

BENGKEL INTENSIF KURSUS UNDANG -UNDANG PERNIAGAAN DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

(SESI PERKONGSIAN KEPAKARAN PENSYARAH UITM BERSAMA KOMUNITI)

Dr. Sutina Junos

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,

71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah menganjurkan Bengkel Intensif Kursus Undang - Undang Perniagaan dan Perniagaan Antarabangsa bersama pelajar Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja Chembong Rembau Negeri Sembilan pada 27 Februari 2024 bertempat di TEC 15 dan TEC 16, UiTM Kampus Rembau. Program ini merupakan sesi perkongsian kepakaran pensyarah UiTM bersama komuniti setempat di mana ianya bertujuan memberi pemahaman secara lebih mendalam dan pengetahuan tambahan kepada semua peserta mengenai kursus Undang- Undang Perniagaan dan Perniagaan Antarabangsa yang baru dipelajari oleh mereka. Peserta bagi program ini terdiri daripada 35 orang pelajar dan 4 orang tenaga pengajar Jabatan Perniagaan Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja.



Gambar 1 : Poster Program

Antara objektif lain penganjuran program ini adalah untuk membantu peserta mempelajari cara mengenalpasti kes dan rujukan kes yang sesuai untuk menyelesaikan sesebuah kes yang berlaku dalam skop kedua - dua kursus, memberi peluang kepada pensyarah - pensyarah UiTM untuk berkongsi kepakaran dalam bidang masing - masing dan mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua - dua buah institusi. Penceramah yang terlibat dalam program ini bagi Kursus Undang - Undang Perniagaan adalah Puan Najwa Binti Azizun dan Puan Namirah Binti Mohd Akhsah, Pensyarah dari Jabatan Undang - Undang UiTM Kampus Dengkil manakala penceramah bagi Kursus Perniagaan Antarabangsa adalah Prof Madya Dr Siti Sara Ibrahim Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Rembau dan Puan Nuryusmawati Binti Mohd Yusof Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Selangor.

Perkongsian kepakaran bagi kursus undang - undang perniagaan dalam program adalah berkenaan topik undang - undang kontrak : pembentukan kontrak, pelepasan kontrak dan remedii yang terbahagi kepada dua slot. Bagi Kursus Perniagaan Antarabangsa pula ianya melibatkan perkongsian berkenaan topik pasaran global dan alam sekitar - reka bentuk dan struktur organisasi antarabangsa, strategi kemasukan dan strategik persekutuan antarabangsa serta Isu dan cabaran dalam perniagaan antarabangsa.



Gambar 2 : Sesi perkongsian penceramah bagi Kursus Undang – Undang Perniagaan

Secara keseluruhan program ini telah berjalan mencapai objektif pengajarnya dan memberikan impak yang berkesan dari segi membantu peserta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dengan lebih mendalam mengenai kedua – dua kursus ini. Selain daripada itu maklumbalas yang diberikan oleh peserta mengenai program ini amatlah positif dan mengharapkan akan dianjurkan lagi program sebegini di masa akan datang.



Gambar 4: Gambar peserta program dan pihak terlibat